



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
[JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN]
- PEKELILING -

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

Fail : MBSA/PTD/SM/100 - 1/1 Jld. 2 ()

Tarikh : April 2013
Jamadilawal 1434H

Kepada;

Semua Pegawai dan Kakitangan
Majlis Bandaraya Shah Alam

Tuan/ Puan,

PERATURAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM KE LUAR NEGARA ATAS
URUSAN PERSENDIRIAN

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012 mengenai Peraturan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis di dalam mesyuaratnya pada 22 Mac 2013 telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012 mengenai Peraturan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian mulai **1 April 2013**.

3. Sehubungan dengan itu Pegawai dan Kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang hendak ke luar negara atas urusan persendirian hendaklah mendapatkan kelulusan pegawai pelulus seperti berikut sebagaimana yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor:

Bil	Kategori Pegawai	Makluman	Penyokong	Pelulus
a.	Datuk Bandar	YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri		
b.	Timbalan Datuk Bandar	Datuk Bandar/		
c.	Pengarah Jabatan/ Ketua Bahagian/ Pengurus Cawangan	Timbalan Datuk Bandar		Datuk Bandar
d.	Pegawai Kumpulan A dan ke bawah	Pengarah Jabatan/ Ketua Bahagian/ Pengurus Cawangan	Timbalan Datuk Bandar	Datuk Bandar

4. Bersama-sama ini disertakan Borang Permohonan format baru untuk rujukan dan tindakan pihak tuan/ puan selanjutnya. Kerjasama semua warga MBSA bagi melaksanakan tindakan ini dengan segera amatlah dihargai bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,

(MADIYAN BIN BAWEH)

Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

s.k. 1. Datuk Bandar

2. Timbalan Datuk Bandar